



proceeding
i-SMTC
Pengukuhan Budi & Jati Diri
2016

JUNE 2016
Tanjung Bidara Resort Melaka



AKEPT HIGHER
EDUCATION
LEADERSHIP
ACADEMY

PJI&A
Penyelidikan Jaringan Industri & Alumni

PROCEEDING ISME

Penyunting:
Ahmadrashidi bin Hasan
Abd. Rasid Bin Ismail
Rosli Zakaria

DITERBITKAN OLEH
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Uitm Melaka.



PROCEEDING ISME

Penyunting
Ahmadrashidi bin Hasan, Abd. Rasid Bin Ismail & Rosli Zakaria

Reka bentuk
Norsharina Samsuri
Hafiz

Diterbitkan oleh:
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka.

Segala pendapat yang diterbitkan di dalam buku ini merupakan pendapat para pengarang dan tidak semestinya mewakili pendapat penerbit.

ISBN 978-967-0637-20-4

Hak Cipta Terpelihara.
Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sama ada cara elektronik, fotokopi, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari penyunting dan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka terlebih dahulu.

Cetakan Pertama 2016

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	3
Jawatankuasa Kolokium ISME 2016	5
1. Creative Art Therapy Program: Case Study on Malay Muslim Inmates at Sungai Udang Prison in Melaka	6
Azahar Harun, Rosli Zakaria, Amiruddin Osman, Ariff Ali, Hishamudin Ahmad, Haslinda Abd Razak, Meor Hasmadi Meor Hamzah	
2. Contemporary Islamic Art of Iraq Country: It's Appreciation	15
Fatimatuzzaharah Mohd Kidin	
3. Standardizing Malaysian Vehicle Registration Number Plate	22
M. R. Ruzalia & G. Daimin	
4. Using Photographic Images as an Alternative Method To Learning Process In Pre-School Level	32
Farihan Zaharia, Fatrisha Mohamed Yussof, Nurkhazilah Idris, Aidah Alias	
5. A Study of The Malaysian Youth Perception Toward ‘Muslim Pro’ Apps Through Smart Phone in Malaysia Using Technology Acceptance Model (TAM)	36
Hafizah Rosli & Dr Ruslan Abd Rahim	
6. Interactive Multimedia: HajjEdu Kiosk	42
Ilinadia Binti Jamil & Zainal Bin Kadir	
7. A Visual Analysis: 3D Computer Graphic with Narrative Structure of Adhan Recitation	50
Lili Eliana Mohd Radzuan, Wan Nur Khalisah Shamsudin, Mohamed Razeef Abd Razak & Azahar Harun	
8. The Role of Visual Communication in Improving Images of Malaysian Secondary School Textbooks	59
N. Yusof & G. Daimin	
9. The Styles of Illumination In Al-Qur’ans of The Malay World	66
N.H.M. Din, D.H.M. Zain, M. Mokhtar	
10. Artistik Rhiz : Seni Rupa Kontemporari Malaysia	73
Shahariah Mohamed Roshdi , Dr. Abd. Rasid Bin Ismail & Mohd Haniff Mohd Khalid	
11. Penilaian Pengunjung Terhadap Pameran Karya Seni “Travelog Pelajar Seni Halus UiTM Melaka”	80
Amiruddin Osman, Dr Rosli Zakaria, Shahrul Munir Mohd Kaulan	

12.	Compilation Theory Of Malay Malay Aesthetics: Concept Malay Beauty In Arts Nurkhazilah Idris, Ruzaika Omar Basaree, Fazlina Mohd Radzi, Fatrisha Mohd Yussof, Farihan Zahari & Shaliza Dasuki.	86
13.	Alam Sebagai Sumber Reka Bentuk Motif-Motif Seni Hiasan Fabrik Masyarakat Melayu Dr. Abd. Rasid Bin Ismail , Shahariah Mohamed Roshdi & Prof. Madya Dr Ahmad Rashidi Bin Hasan	95
14.	Geometri dalam Rekabentuk Naskhah Dala'il al-Khayrat: Suatu Kajian Awal A. Abdullahe* dan S. Silahb	104
15.	Exploring An Art Photography Movement In Malaysia (1900-2000) Raziq Abdul Samat, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain, Shafirah Shaari, Dona Lowii Madon, Aidah Alias & Mohd Fakhrul Rodzi Abd Ghapur	112
16.	Penghayatan Budaya Kebangsaan Dalam Karya Animasi Malaysia Pasca-Merdeka Shaliza Dasukia, Nurkhazilah Idrisa, Nurhasliza Abdulahb dan Norhazalen Haji Saadc	116
17.	Appreciating Islamic Contemporary Art of Afghanistan Country Nurul Syazlina Bt Che Yusof, Nor Kamalia Bt Mohamed Saat, Prof. Dr. Dzul Haimi Md Zain, Dr. Mumtaz Hj Mokhtar	125
18.	Describing Advertising Approach By Ministry Of Health Malaysia For Public Service Annouement Campaign: Case Study On Anti Dengue Campaign In Press Ad Norsharina Samsuri, Anith Liyana Amin Nudin	130
19.	Penyimpanan Dan Pendokumentasian Karya Kreatif Di Fssr, UiTM Melaka Haslinda Abdul Razak1, Nur Hasliza Abdulah2, Azni Hanim Hamzah3, Nurul Izza Ab Aziz4, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain5, Noor Hafiza Ismail6	135
20.	Stail Abstrak Arca Awam Kuala Lumpur : Refeleksi Terhadap Tegahan Agama Islam Membina Arca Berbentuk Figura Bernyawa. Dr. Rosli Zakaria	144
21.	Kartun Editorial Internet Indie Melayu: Kritikan Politik Dan Sosial Melalui Rangkaian Sosial Facebook Bertemakan Pribahasa Lama Melayu Fazlina Mohd Radzi, Shahariah Mohamed Roshdi, Nurkhazilah Idris	159
22.	Creativity and Inspiration Woven Technique By Using Excessive Plastic Bag Azni Hanim Hamzah,a , Salina Abdul Mananb , Noor Hafiza Ismaila , Nurhikma Mat Yusufa , Nurul Izza Ab Aziza	167
23.	Sustainable Furniture Design: An Alternative Approach To Enhance Learning Process In Autism Classroom 1Nurhikma Bt Mat Yusof, 2Rosaliana Bt Rahim, 3Ridzuan Adli Bin Azidin	174

JAWATAN KUASA

ISME 2016

Penaung	PM Dr. Mohd Adnan Bin Hashim
Penasihat 1	Dr. Rani Diana Binti Othman
Pengerusi Timbalan Pengerusi	Dr. Azahar Bin Harun Cik Nurhikma Binti Mat Yusof
Ketua Projek Pen. Ketua Projek	PM Dr. Ahmad Rashidi Bin Hasan Dr. Rosli Bin Zakaria
Setiausaha Timbalan SU 1 Timbalan SU 2	Puan Shaliza Binti Dasuki Cik Nurkhazilah Binti Idris Cik Fazlina Binti Mohd Radzi (Penerimaan Abstrak & Kertas Kerja)
Wakil Bendahari Fssr	Puan Azni Hanim Bin Hamzah
Editor	Dr. Abd. Rasid Bin Ismail (Ketua) Dr. Rosli Bin Zakaria PM Dr. Ahmad Rashidi Bin Hasan Dr. Azahar Bin Harun
Tempat & Kemudahan	Puan Shaliza Binti Dasuki Cik Noor Hafiza Binti Ismail
Jk Dokumentasi	En. Raziq Bin Abdul Samar En. Meor Hasmadi Bin Meor Hamzah En. Mohd Hanif Bin Mohd Omar Cik Aidah Binti Alias
Jk Seranta & Publisiti	En. Ridzuan Adli Bin Azidin Cik Nurhikma Binti Mat Yusof
Jk Penyambut Tetamu & Protokol	En. Arif Bin Ali Tuan Haji Abd. Wahab Bin Muhammad Puan Shahariah Binti Mohd. Roshdi Cik Rosaliana Binti Rahim
Jk Sijil & Cenderamata	Puan Nur Hasliza Binti Abdullah Puan Nurul Izza Bin Ab. Aziz
Jk Jemputan	Puan Haslinda Bin Abd. Razak
Jk Teknikal & Logistik	En. Hisammudin Bin Ahmad En. Rafuzan Bin Jaafar
Jk Pereka	Puan Norsharina Binti Samsuri (Ketua) Puan Anith Liyana Binti Amin Nudin Puan Fatirisha Binti Mohamed Yussof
Jk Pendaftaran	Cik Fazlina Binti Mohd Radzi Puan Azni Hanim Bin Hamzah Cik Siti Sarah Binti Adam Wan

ALAM SEBAGAI SUMBER REKA BENTUK MOTIF-MOTIF SENI HIASAN FABRIK MASYARAKAT MELAYU.

¹Dr. Abd. Rasid Bin Ismail.

²Prof. Madya Dr. Ahmad Rashidi Bin Hasan

¹Shahariah Mohamed Roshdi

*koresponden penulis : rasid@melaka.uitm.edu.my

ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah tentang motif-motif fabrik masyarakat Melayu dengan tujuan untuk memperlihatkan keindahan yang terdapat pada motif-motif tersebut dari segi struktur binaan dan maknanya. Tiga jenis fabrik dipilih sebagai sampel kajian, ia itu songket, batik dan tekat. Fabrik tersebut dianggap sebagai yang paling utama. Kaedah analisis dalam kajian ini ialah menggunakan teknik analisis motif dari sudut deskriptif, analisis, interpretasi dan evaluasi seperti yang dicadangkan oleh Ragan. Attribusi kajian adalah mengambil aspek-aspek visual seperti yang dicadangkan oleh Kumpulan Bauhaus yang merangkumi elemen seni visual dan prinsip-prinsip rekaan seni visual. Dalam analisis itu tumpuan diberi kepada aspek binaan, iaitu bagaimana unsur dan prinsip itu digabung jalin sehingga menerbitkan motif yang berkaitan. Di samping itu kajian ini juga meneliti aspek isi, iaitu makna-makna yang terpancar daripada motif-motif tersebut. Penemuan penyelidikan ini menunjukkan bahawa meskipun orang Melayu yang menjadi pandai tukang dan perek seni tersebut tidak terdidik secara formal tentang seni visual tetapi pengetahuan dan kemahiran yang mereka miliki adalah pada tahap yang tinggi. Mutu dan keindahan fabrik tersebut sangat bergantung kepada motif-motif yang dihasilkan oleh tukan atau pereknya. Motif-motif berkenaan juga bukan sahaja indah secara visual tetapi juga memancarkan falsafah dan nilai hidup masyarakat yang mendukungnya. Pemilihan subjek yang selektif dan penampilan motif berkenaan sangat serasi dengan budaya, pemikiran dan gaya hidup Melayu. Penyelidikan ini diharapkan dapat memberi kenyakinan bukan sahaja kepada perek tetapi juga kepada umum bahawa motif tradisional itu indah dan patut dilestarikan.

ALAM SEBAGAI SUMBER REKA BENTUK MOTIF-MOTIF SENI HIASAN FABRIK MASYARAKAT MELAYU.

Latarbelakang Kajian

Motif menjadi unsur visual yang terdapat pada setiap hasilan kraf tangan dan ia juga merupakan lambang yang dihasilkan bagi mengindahkan fabrik hasil kraf tangan. Perek bentuk motif biasanya mendapat ilham daripada alam persekitaran kerana pada masa itu kehidupan meraka dikelilingi oleh flora dan fauna. Fabrik yang kosong tidak mempunyai corak-corak motif akan kelihatan hambar atau pun tidak bermaya. Terdapat pelbagai motif yang biasa digunakan sebagai ragam hias senireka corak kraf fabrik tardisional Malaysia. Antara motif-motifnya ialah motif, flora, fauna, kosmos (unsur alam) dan geometri. Ia disusun dengan berbagai rupa dan gaya dengan tujuan mengindahkan permukaan fabrik.

Keindahan gubahan dan pengolahan motif sesuatu kraf tangan itu menjadikan ia sebagai daya tarikan kepada fabrik. Ia tergolong dalam seni visual kerana paparnya terdapat objek-objek, motif, gubahan atau susunan, boleh mendapat tindak balas penghayatan yang diistilahkan sebagai estetika. Lazimnya, hasil produk yang digunakan sehari-hari, seperti baju, seluar, samping, selipar dan lain-lain lagi, oleh itu tidak disedari kewujudan nilai estetikanya. Pengertian estetika ini sangat luas sehingga kita perlu mengetahui sejarah seni, apresiasi seni dan juga kritikan seni. Apa yang kita kenali sebagai

seni pada perspektif estetika pada hari ini tidak atau mungkin tidak dapat diterima oleh sesetengah budaya atau juga pada zaman yang lain.

Motif adalah suatu unit lakaran yang diulang-ulang untuk menghasilkan corak gubahan yang lengkap dan yang paling menonjol dan sesebuah karya. Ia merupakan unsur yang penting dan lazimnya mengandungi makna. Motif juga menyerlahkan konsep dan tema dalam menghasilkan sesuatu karya (Ocvirk, et. al, 2002). Motif juga boleh ditakrifkan sebagai unsur-unsur visual atau imej dalam sesebuah kerja seni.

Objektif Kajian

Kebudayaan boleh juga difahamkan sebagai cara hidup. Perubahan dan pembinaan budaya dinilai dan diterima bersesuaian dengan pemikiran, adat dan pegangan agama dan seperti dalam kebudayaan di Malaysia ini ia bersendikan agama Islam. Pegangan agama ini akan dijadikan asas untuk menilai sesuatu pembaharuan yang akan diterima untuk dijadikan adat dan kebudayaan hingga ke akhir hayat. Mana-mana pembaharuan yang tidak sejajar dengan pegangan agama akan dengan sendirinya tertolak.

Kebudayaan diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain, oleh itu, kebudayaan mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan masyarakat (A. Aziz Deraman, 2000). Apabila adanya masyarakat maka berlakulah budaya dalam masyarakat itu sendiri. Budaya berperanan sebagai lambang kepada masyarakat dan untuk mengetahui masyarakat itu kita akan mengenali kesenian yang dimilikinya.

Menurut Wan Abdul Kadir (2000), budaya juga adalah pertembungan antara budaya tradisional dengan unsur-unsur budaya luar atau budaya yang didatangkan. Perubahan ini berlaku dari masyarakat tradisional kepada masyarakat moden. Umumnya motif merupakan bentuk-bentuk corak dan dijadikan ragamhias kepada barang seni seperti fabrik, ukiran, tembikar, anyaman dan seni tembaga. Masyarakat Melayu sangat kaya dengan hasilan barang seni yang menjadi satu kebanggaan kepada masyarakat itu sendiri kerana dengan adanya kesenian ini dapat menggambarkan atau melambangkan kemajuan sesebuah masyarakat. Dengan adanya kesenian juga, sesebuah masyarakat itu dimilai akan tahap kemajuannya dan menjadi wajah kepada masyarakat itu sendiri.

Penyataan Masalah

Kesenian merupakan wajah sesuatu bangsa. Kesenian menjadi bagaikan moto sosiobudaya sesebuah bangsa. Kraftangan juga merupakan kesenian sesuatu bangsa itu dan dengan sendirinya menjadi lambang, moto dan wajah sesuatu bangsa itu.

Untuk itu, kerja seni telah wujud sekian lama harus dipelihara dan dimartabatkan supaya tidak hilang di telan zaman. Dan menjadi tanggungjawab setiap ahli masyarakat itu sendiri untuk memeliharanya seni budayanya agar dapat bertahan lama dalam dunia globalisasi ini serta memartabatkan warisan budaya termasuk mengekalkan, memelihara serta memartabatkan warisan tersebut. Dalam konteks masyarakat Melayu atau yang tinggal di kepulauan Melayu seni kraftangan adalah salah satu wadah yang menjadi milik mutlak kepada budaya masyarakat Melayu.

Seni merangkumi pelbagai bentuk dan kegunaan. Antara unsur yang menjadikan sesebuah ciptaan itu seni ialah susunan dan gubahan motifnya. Sumber idea untuk menghasilkan kepelbagaiannya rupa dan rekaan motif pula motif dibuat melalui peniruan yang terdapat di sekeliling pereka bentuk motif itu sendiri. Kita sangat bertuah kerana dianugerahkan sebuah negara yang dipenuhi

dengan kawasan hutan yang dapat memberi sumber idea kepada pereka bentuk motif. Sumber alam semulajadi seperti flora dan fauna yang terdiri dari berjenis-jenis bunga-bungan, daun-daun, pokok-pokok menjadi inspirasi kepada pereka bentuk motif.

Hidupan hutan juga menjadi sumber idea kepada pereka bentuk motif yang mengubah suai dan melakukan penggayaan (stylization) imej-imej fauna seperti unggas dan haiwan. Antara bentuk-bentuk motif yang biasa terdapat dan diguna pakai dalam seni kraf Melayu termasuklah kupu-kupu, siput, keluang, itik, ikan, gajah dan lain-lain lagi. Penggunaan flora dan fauna sebagai sumber motif adalah didapati sangat sesuai dan diterima pakai oleh masyarakat Melayu.

Sumber motif dari kosmologi iaitu alam geografi dan cakerawala yang terdiri daripada gunung ganang, teluk, ombak, bulan, bintang, langit, awan dan matahari juga dijadikan sumber idea untuk melahirkan motif. Dari penggunaan sumber kosmologi ini, motif-motif dapat dijelaskan ke atas permukaan melalui beberapa perkembangan idea. Idea inilah yang terdapat pada barang kraf seperti batik, songket, anyaman, ukiran dan tembikar. Untuk proses mengadaptasi pula pereka menggunakan pengalaman yang ada untuk mengadaptasi sumber dari alam semulajadi kepada barang kraftangan kerana kebanyakan barang kraftangan ini mempunyai bahan dan teknik penggunaan yang berbeza seperti kain batik, songket, tekad dan sulaman. Perbezaan bahan ini menyebabkan penerapan motif juga berbeza. Walaupun menggunakan bahan iaitu fabrik tetapi penerapan motif adalah berbeza-beza di antara satu sama lain. Contohnya songket menggunakan teknik menyungkitnya, tekat dengan cara menyulamnya dan batik dengan cara mengecap dan melukisnya.

Motif-motif juga dihasilkan melalui cerita-cerita lama atau hikayat yang disampaikan oleh generasi terdahulu dan diadaptasikan dalam bentuk lakaran serta diaplikasikan dalam bentuk barang kraftangan. Menurut Siti Zainon Ismail, (1986) terdapat gambaran bentuk motif yang direka berdasarkan pengalaman hidup atau apa yang dilihat dan dialami dalam persekitaran seharian. Awan yang biasanya dikaitkan dengan awan larat, ombak laut yang melambai-lambai, gunung ganang, bukit bukau dan sebagainya juga diubahsuai untuk menjadi motif.

Menurut Haziyah Hussin (2006) secara keseluruhan motif tumbuh-tumbuhan adalah motif yang paling banyak dihasilkan. Motif ini digubah melalui banyak modifikasi sehingga sukar untuk dikenali. Namun begitu, kebanyakan motif ini, dengan kebijaksanaan dan kreativiti perekanya, masih mengekalkan identiti motif tersebut. Ini terdapat contohnya dalam penggunaan motif 'bunga penuh' yang biasa dibuat di Terengganu dan Kelantan atau 'Bunga tabur' pula di Pahang. Teknik penghasilan juga berbeza daripada satu negeri dengan negeri yang lain bergantung kepada permintaan, kehendak dan selera masyarakat setempat.

Pengaruh daripada luar seperti Hindu dan Buddha serta gabungan unsur-unsur luar telah mempengaruhi sedikit sebanyak tentang peradaban orang Melayu pada masa itu. Sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu, kepercayaan animisme dicampur dengan kepercayaan Hindu dan Buddha membuatkan kepercayaan orang Melayu terhadap animisme sangat tebal dan sukar dikikis dari pemikiran mereka. Kepercayaan orang Melayu pada masa dahulu sangat berpegang kuat kepada kepercayaan terhadap semangat dan roh baik atau roh jahat yang banyak digunakan dalam seni kraftangan Melayu.

Setelah kedatangan Islam ke Tanah Melayu, cara peradaban telah banyak berubah kerana Islam adalah agama yang melarang kepada unsur-unsur menyekutukan Allah s.w.t. Agama Islam telah melakukan proses asimilasi, transformasi dan Islamisasi keseluruhan aspek orang Melayu termasuklah kesenian Melayu (Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon, 2004). Penekanan yang kuat terhadap mentauhid iaitu mengesakan tuhan dan segala perbuatan sehari-hari. Segala perbuatan mestilah dimulakan dengan bismillah dan diakhiri dengan alhamdulillah.

Pengaruh agama Islam telah merubah bentuk corak pemikiran orang Melayu dalam semua aspek kehidupan mahupun untuk menghasilkan seni kraftangan. Islam melarang umatnya menghasilkan seni yang bercanggah dengan pegangan kerana takut akan tergelincir akan pegangan terhadap Islam. Sebagai contohnya, Islam tidak membenarkan umatnya menghasilkan barang seni berbentuk lembaga yang bernyawa kerana ia dikuatir akan memesongkan aqidah seseorang muslim. Ia boleh juga dihasilkan tetapi mestilah menghilangkan identiti lembaga tersebut supaya tidak menyamai dengan yang asal.

Penjelasan yang dapat dibuat bahawa kesenian Melayu adalah wadah kepada keperibadian seseorang Melayu serta menjadi tanggungjawab bersama untuk memelihara, mengekalkan dan memartabat warisan yang sudah bertapak lama dan seharusnya menjadi kewajiban semua masyarakat untuk mempertahankan warisan yang mempunyai masa depan yang cerah dalam bidang ekonomi. Kesenian juga merupakan wahana yang mengukuhkan dan memantapkan identiti keperibadian dan jati diri orang Melayu didalam masyarakat yang berbilang kaum ini.

Pada masa dahulu penggiat seni kraftangan mendapat dorongan daripada keluarga atau diwarisi, dengan kata lain seni yang dimiliki hanya untuk keturunannya sahaja. Namun, pada masa sekarang keadaan ini telah berubah kerana penggiat seni kraftangan telah mendapat pendidikan secara formal di pusat seni dan pusat kraftangan. Di sini dapatlah ditakrifkan sebagai daya tarikan seni itu terletak kepada keupayaan untuk menimbulkan tentang tafsiran dan persoalan yang harus dijawab untuk mendapatkan maksud-maksud tertentu.

Fabrik Melayu

Sejarah asal usul fabrik masih kabur dan sukar untuk diketahui dengan jelas dan pasti kerana fabrik merupakan bahan yang tidak tahan lama mudah rosak dan reput berbanding dengan barang-barang seni seni lain seperti logam, tembikar, kayu dan lain-lain lagi. Pada tahun 300-400 Masihi, pengetahuan tentang teknik menghasilkan fabrik mula tersebar dengan luasnya di gagasan Kepulauan Melayu terutamanya di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pada keseluruhannya, pendapat-pendapat tentang fabrik ini tidak dapat menyakinkan dan asal usul fabrik Melayu tidak diketahui dengan tepat bila mula bertapak di negara kita.

Terdapat banyak andaian dan pendapat tentang asal usul fabrik yang berkembang di nusantara ini, sebab jika dilihat dari segi keunikan dan keaslian yang digunakan dalam menghasilkan fabrik ini pada mulanya dimonopoli oleh orang-orang Jawa di Indonesia. Sebelum perang Dunia Kedua, Pulau Jawa adalah satu-satunya kepulauan Melayu yang memonopoli pedagang-pedagang fabrik dengan dunia luar.

Pedagang-pedagang luar yang berdagang di Pulau Jawa ini telah memperkenalkan dunia fabrik ke Tanah Melayu. Dari sini titik tolak bermulanya perkembangan dan penciptaan dunia fabrik kepada orang-orang Melayu. Maka bermulalah kerja menghasilkan motif-motif pada fabrik. Pada zaman kesultanan Melayu Melaka, kain-kain batik(fabrik) telah terbukti dibawa oleh orang Melayu Sumatera ke Melaka pada abad ke 15 Masihi lagi. Oleh kerana kedudukan Melaka berdekatan dengan Pulau Jawa dan keadaan Melaka sebagai pelabuhan utama pada masa itu, jelaslah bahawa fabrik yang terdapat di Jawa telah dibawa ke Melaka.

Perusahaan kraftangan(fabrik) di kalangan orang Melayu di Semenanjung Malaysia adalah merupakan suatu perkara yang baru dan perusahaan ini telah berkembang di Pantai Timur. Negeri-negeri yang mula menjalankan perusahaan fabrik ini ialah Kelantan dan Terengganu yang menhasilkan

fabrik berbentuk batik dan songket. Pahang hanya menjalankan perusahaan menenun songket sahaja yang terletak di Pekan, manakala tekat hanya didapati di daerah Kuala Kangsar, Perak. Pada awalnya, pengusaha kraftangan ini menerima pengaruh dari Tanah Jawa. Walaupun menghasilkan batik dengan teknik mengecap, dikuasai oleh orang-orang Pulau Jawa, tetapi penggunaan canting jelas merupakan keunikan alam Melayu. Malah sehingga kini Malaysia dan Indonesia merupakan pengeluar batik yang tiada bandingannya dari segi teknik dan ragamhias motif tradisional. Sebelum orang-orang Melayu mengetahui teknik membatik dengan cara lilin, mereka telah mahir dalam mengecap kain. Kain-kain yang menggunakan teknik mengecap ini dikenali sebagai kain batik cap.

Pada peringkat awalnya, warna-warna yang digunakan untuk menghasilkan keindahan pada fabrik adalah terbatas, warna-warna asas yang sering digunakan ialah hitam, merah, kuning dan biru. Warna-warna ini dapat dipelbagaikan dengan cara mencampurkannya bagi mendapatkan warna lain daripada warna asas untuk mewarnakan fabrik. Contohnya warna biru dicampurkan dengan kuning boleh menghasilkan warna hijau. Menurut Constance Ong (1970) menjelaskan bahawa perusahaan menghasilkan batik(fabrik) di Semenanjung Malaysia hanya bermula pada tahun 1930-an iaitu di Kota Bharu, Kelantan. Manakala di Terengganu pula, perusahaan membatik mula diperkenalkan pada tahun 1939 di Kuala Terengganu, Terengganu. Perusahaan ini tertumpu berkembang dengan pesatnya di kalangan orang-orang Melayu di negeri Kelantan dan Terengganu dan sedikit sahaja di Pekan, Pahang.

Methodologi

Kajian ini lebih berbentuk kualitatif yang menggabungkan pemerian, analisis dan juga interpretasi. Mengikut Rosalind Ragans, (2000) terdapat empat peringkat kajian kualitatif berkaitan dengan analisis seni visual iaitu:

1. Diskripsi atau pemerian.

Analisis ini memberi fokus utama iaitu apa yang terdapat pada sesuatu lakaran motif contohnya apa yang terdapat pada sesuatu motif seperti ukurannya termasuklah lebar dan tinggi. Ia adalah proses untuk mengenal dengan jelas bentuk format yang digunakan dan dimana digunakan.

2. Analisis

Analisis ialah kajian dengan mendalam setiap karya visual termasuk analisis untuk mengenali kandungan asas-asas seni rekaan seperti garisan, rupa, bentuk, warna, ruang dan jalinan. Ia juga membuat analisis tentang prinsip rekaan seperti kesimbangan, harmoni, ulangan, kesatuan, kepelbagai, rentak, kadar banding, arah dan pergerakan.

3. Interpretasi atau Penterjemahan

Interpretasi iaitu membuat tanggapan, andaian, pengagakan, bayangan yang ada hubung kait dengan dapatan yang rasional terhadap motif. Dalam konteks, ini kita boleh membuat andaian tentang teknik yang digunakan, bahan yang digunakan emosi dalam menghasilkan iaitu emosi budaya pada masa itu. Pengalaman bagi menghasilkan dan kreativiti yang wujud.

4. Judgement atau Penilaian

Membuat penilaian tentang keputusan yang terdapat dalam diskripsi, analisa dan interpretasi. Kesimpulannya boleh diolah dengan mengikut susunan dan format yang betul, tepat dan terperinci (Eric Fernie,1989

Hasil Dapatkan

1. Setiap Hasil Fabrik Memiliki Asas-Asas Seni Tampak yang Kukuh.

Seni adalah sesuatu yang universal. Semua bangsa dan masyarakat memiliki nilai seni budaya. Terhasilnya perbezaan bentuk dan hasil seni budaya ini adalah disebabkan kerana terpisahnya bangsa dan masyarakat itu kerana kedudukan geografinya. Namun oleh kerana adanya hubungan antara sesuatu bangsa masyarakat itu antara satu dengan lain, maka dapat dilihat juga ia saling mempengaruhi antara bangsa masyarakat itu dalam hal seni dan budaya.

Berdasarkan kajian melalui motif fabrik tradisional Melayu adalah didapati orang Melayu juga memiliki kepekaan terhadap unsur formalistik seni visual. Walaupun orang Barat, khususnya, kumpulan ‘The Bauhaus’ telah terlebih dahulu berjaya, sekitar tahun 1920an, menyenaraikan unsur-unsur asas seni tampak serta prinsip rekaan seni tampak, kajian ini jelas menunjukkan semua unsur yang diutarakan oleh ahli teori seni lukis barat itu sebenarnya sudah digunakan oleh pereka-pereka motif Melayu.

Dalam apa sahaja motif yang dihasilkan oleh orang Melayu, yang dihasilkan sejak beratus tahun sebelum penemuan kumpulan ‘The Bauhaus’ ini, adalah didapati unsur seni-tampak seperti garisan, tekstur, bentuk, warna telah digunakan dengan seluas-luasnya. Unsur-unsur asas ini pula digubah dengan prinsip rekaan sepertiimbangan, paduan, kontra, susunan, perulangan dan sebagainya menjadikan hasil cipta rekaan motif orang Melayu ini kukuh dan berjaya.

Dengan asas dan prinsip seni yang universal inilah menjadikan senireka motif Melayu itu indah dan memiliki daya estetika seni tampaknya, walaupun dari kaca mata barat. Adalah didapati juga pencipta dan pereka Melayu telah mencipta kaedah dan prinsip-prinsip rekaan mereka sendiri dengan terciptanya istilah seperti ‘petua’, yang merujuk kepada prinsip visual, ‘halus’ yang merujuk kepada konsep mengecilkan motif pada sesuatu permukaan, ‘lembut’ yang merujuk kepada keharmonian, ‘indah’ atau ‘cantik’ yang merujuk kepada konsep estetika, ‘bermakna’ atau ‘bermanfaat’ yang merujuk kepada isi dan maksud dan sebagainya. Sebagaimana yang kita ketahui motif kraftangan Melayu yang ada sekarang mempunyai petua-petua yang tertentu untuk dihasilkan. Petua tersebut termasuklah mengapa dihasilkan berbentuk geometrik, pola-pola, corak pengulangan yang digunakan dan kadar banding yang terdapat pada hasilan kraftangan. Teori mengatakan ada wujudnya petua-petua ini dan dengan adanya kajian cuba membuktikan tentang persoalan tersebut.

2. Keindahan Alam Sebagai Asas Motif Fabrik Melayu.

Dasar kehidupan yang dikelilingi oleh alam semulajadi sebagai sumber mendapatkan ilham untuk berkarya motif yang kreatif untuk dipersembahkan ke atas permukaan fabrik. Sebagai contoh motif alam yang terbahagi kepada tiga perkara yang berbeza iaitu flora, fauna dan kosmos. Ini melambangkan masyarakat Melayu sangat menghargai alam sebagai arah mendapatkan idea dalam membina lakaran kreatif.

Ragam hias motif batik ini bukan sahaja memaparkan keindahan tetapi ia juga mempunyai tujuan tertentu. Antara corak kain batik sarung termasuklah pokok, lasam tanggamas, sinarmas, terangmas, terang bulan, belah ketupat, jalur Malaysia, serong, retak seribu, solo, yam den lapeh, bintang sore, musang berjanggut, siku keluang dan kijang berjuang. Pada peringkat penggunaan blok kayu, reka corak batik begitu sedarhana tetapi memperlihatkan variasi motif yang terdiri daripada bentuk titik, bulatan dan garis untuk membentuk susunan anting-anting atau bunga mala, bunga bintang dan bunga bebalung.

Unsur alam tumbuhan diilhamkan dariapada bentuk bunga, putik, kalainan daun, ranting atau pucuk yang disusun tunggal, menjalar datar atau bertabur. Kain batik sarung corak lasam, tangga mas, sinar mas dan belah ketupat, memperlihatkan variasi susunan motif. Penggunaan corak batik tidak lagi terhad pada penggunaan batik sarung atau batik lepas tetapi dipelbagaikan kegunaannya iaitu sebagai kemeja, gaun wanita, sarung bantal, alas meja, hiasan dinding, beg dan lain lain.

Cara pembuatanya juga mengalami perubahan, iaitu daripada cara tradisional bertulis tangan kepada teknik mencetak moden, motifnya lebih sarwagajat terutama dari segi pemilihan warna dan jenis kain. Banyak juga batik yang dihasilkan mempunyai corak yang berbeza, contohnya bunga maman, daun menjalar, daun keladi, sireh emas, bunga mangga, bunga cempaka, rantai orkid, dayang senandung, rohani, bunga mangga, bunga cempaka, rantai ordayang senandung, rohani, bunga air mata kasih, siti fatimah, siput mega mendung, ayam, akar akar menjalar, kala jengking, pohon ara, bunga buluh, pucuk rebung dan kotak bercampur.

Reka corak keindahan motif yang berpandukan alam semulajadi seperti flora, fauna dan kosmos. Alam semulajadi adalah sumber mencetuskan idea untuk diadaptasi ke atas permukaan fabrik merupakan satu khazanah budaya yang harus dijaga dengan baik untuk generasi akan datang.

Antara beberapa motif yang sering dicipta ialah motif tumbuhan berbentuk daunan dan rangkaian bunga, umpamanya daun atau pucuk kayu, daun keladi, buah padi dan susunan pucuk rebung. Manakala bentuk bunganya termasuklah bunga-bunga tradisi seperti bunga cengklik atau bunga pecah empat, bunga lawang, bunga asam, bunga tongkikh, bunga cempaka dan bunga atau buah delima. Akhir-akhir ini, kegemaran tukang dalam mempelbagaikan bentuk bunga. Antaranya bunga kekwa, bunga raya, bunga orkid, dan bunga matahari, dibandingkan hasil ciptaan lama dengan ciptaan terbarunya, ternyata sekali ciptaan lamanya masih mengekalkan nilai tradisi terutama dari segi pemilihan motif, susunan ragam hias mahupun daripada teknik sulaman. Penciptaan dan penggunaan seni tekat akhir-akhir ini berkembang kepada masyarakat luar istana yang menampakkan kewujudan kraftangan rakyat. Namun begitu, penggunaan masih terbatas dalam ruang dan masa tertentu. Daripada bentuk dua atau tiga dimensi yang diciptakan, seni tekat jelas diletakkan sebagai kraftangan yang berperanan sebagai salah satu hiasan acara adat istiadat seperti upacara perkahwinan{tepak sirih dan alatan bilik pengantin, tempat tidur pelamin, hisan untuk upacara nikah}, khatam al quran, berkhitan atau hiasan dalam rumah.

3. Falsafah Melayu dalam Makna Motif Fabrik Melayu

Masyarakat Melayu ini mempunyai falsafah tinggi terhadap hasil karya yang berilham alam semulajadi kerana menganggap bahawa kejadian alam ini adalah anugerah Ilahi yang tidak terhingga nilainya. Penggunaan reka bentuk corak juga melambangkan adab dalam kehidupan seperti menghormati raja dan pemimpin. Biasanya, ini jelas dapat dilihat seperti pemakaian motif yang cantik, indah dan terbaik akan diberikan kepada raja. Manakala pemakaian yang sederhana hanya dipakai oleh kepada golongan pembesar kerajaan. Tetapi pada masa sekarang sesiapa pun boleh memiliki pakaian bergantung kepada kemampuan pengguna.

Hasilan kraftangan dari fabrik ini menampakkan kelembutan pada reka bentuk sesuai dengan berpandukan kepada alam semulajadi yang bersifat yang lembut. Susunan reka corak serta menggunakan motif sesuai dengan bahan dan keadaan yang mana menampilkan kesopana yang tersendiri. Pakaian yang direka seperti kebaya menyerlahkan lagi pemakainya. Nilai murni yang terdapat pada reka bentuk seperti rendah diri dan menghormati orang lain.

Penggunaan produk kraftangan daripada fabrik yang menggunakan motif-motif semulajadi secara meluas dapat mencerminkan budaya masayarakat Melayu itu sendiri. Lambang-lambang yang

terdapat dalam reka bentuk motif dapat memberikan makna-makna yang berkaitan dengan pemikiran dan falsafah budaya Melayu dan usaha untuk mengekalkan jatidiri ini tidak seharusnya diabai ataupun dipinggirkan. Konsep kesatuan dan kepelbagaiannya yang terdapat pada motif melambangkan kesepakatan dalam masyarakat yang taat kepada raja, bangsa dan negara. Malah dalam perlambangan tertentu terdapat juga lambing budaya orang Melayu yang sentiasa mendahulukan raja dan negara daripada diri sendiri dalam menjamin kestabilan dan kesepakatan masyarakat..

Kajian ini bermula daripada latar belakang motif, sejarah motif-motif fabrik. penerangan terhadap asas seni reka dan seni lukis, kaedah penyelidikan secara formalistik, penerapan keindahan dalam semulajadi pada motif, analisa gaya persembahan dan yang akhir sekali ialah kesimpulan. Keindahan yang terdapat pada reka bentuk motif ini dapat dinilai dengan cara kehidupan orang Melayu. Nilai-nilai sosial yang masih diamalkan dan yang ditinggalkan kerana hukum agama melarang untuk diteruskan. Jika diteruskan akan merosakkan tauhid seseorang. Adat yang dahulu masih digunakan sebagai pegangan kehidupan sehari-hari. Berpegang teguh kepada aqidah asalkan tidak tergelincir daripada konsep adat yang utama iaitu **adat sebenar adat**.

Aktiviti menghasilkan produk daripada fabrik ini pada dahulunya hanya dijalankan secara kecil-kecilan sahaja untuk kegunaan setempat. Hasil yang baik untuk kegunaan kerabat-kerabat diraja, pembesar-pembesar kerajaan serta orang-orang kaya. Biasanya produk-produk yang terbaik, cantik dan berkualiti hanya dipersembahkan kepada kerabat diraja untuk kegunaan mereka. Hari ini, kemajuan teknologi dan mobility taraf kehidupan telah meningkatkan kegunaan produk kraftangan dari fabrik ini telah berkembangan dengan pesatnya. Penghasilannya juga dibuat dalam bentuk skala yang besar, bukan sahaja bagi kegunaan setempat bahkan dihasilkan untuk kegunaan antarabangsa.

Kini, adiguru pengusaha fabrik ini diberi lebih banyak pendedahan yang baik supaya dapat menghasilkan produk yang berkualiti tinggi. Pendedahan tentang teknik penghasilan produk, penggunaan bahan dan cara ilmu pemasaran ke peringkat antarabangsa telah diusahakan untuk didedahkan kepada pengusaha fabrik. Sambutan yang diterima sangat baik dan ini dapat dilihat kepada mutu penghasilan produk yang berkualiti tinggi dan cantik serta diminati ramai. Hari ini penggunaan fabrik yang bercorak tradisional seperti yang terdapat pada hasil songket, batik dan tekat digunakan dengan sangat meluas. Ia digunakan dalam upacara rasmi kerajaan, hari-hari kebesaran, dan upacara perkahwinan. Kerajaan Malaysia telah memberi komitmen yang tinggi dan bentuk bantuan kewangan, kepakaran dan latihan.

Kesimpulan

Kajian ini ialah berkenaan dengan manifestasi dan ekspresi keindahan alam dalam seni reka motif hiasan fabrik tradisional Melayu. Ia berkisar kepada kajian analisa formalistik, tertumpu kepada asas-asas seni tampak serta prinsip-prinsip seni tampak dan seni reka. Ia turut melibatkan beberapa perkara lain yang berakitan seperti aspek sejarah, perkembangan, proses penghasilan sehingga kepadanya kepentingannya terhadap survival budaya Melayu pada masa akan datang. Perkembangan perubahan yang ditinjau merangkumi ruang lingkup termasuk reka bentuk, proses pembuatan, bahan yang digunakan dalam usaha untuk menambah baik hasil dan mutu seni kraf Melayu. Penerapan unsur-unsur alam semulajadi sebagai sumber ilham dan idea penciptaan motif melalui kepekaan penghayatan kerana sifat cintakan alam, melalui perkembangan idea diadaptasikan ke permukaan fabrik.

BIBLIOGRAFI

- Aziz Deraman. 2000. Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Constance Ong. 1970. Patterns and Pattern-making Techniques in Traditional Textile of Southeast Asia: University of Singapore.
- Fernie, E., 1995. Art History and Its Methods: A Critical Anthology. Phaidon Press Ltd., London.
- Haziyah Hussin. 2006. Motif alam dalam batik dan songket Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ocvirk G.O., Robert R. S., Philip R. W., Robert O. B. & David L. C. 2002. Art Fundamental. Ninth Edition. New York: Glencoe/McGraw-Hill.
- Rahmah Bujang dan NorAzlinHamidon. 2004. Kesenian Melayu; Kuala Lumpur: Academy of Malay Studies, University Malaya.
- Rosalind Ragans. 2000. Art Talk. New York: Glencoe/McGraw-Hill.
- Siti Zainon Ismail. 1986. Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir. 2000. Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai Dikalanagan Orang Melayu. Kuala Lumpur: Masfami Enterprise.